

Malaysia, ASEAN perlu perluas pelaburan sektor teknologi tinggi

Langkah perkukuh agenda transformasi digital dan AI untuk berdepan daya saing global

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews @bh.com.my

Cyberjaya: Malaysia dan ASEAN perlu memperluaskan jaringan perdagangan dan pelaburan khususnya dalam sektor teknologi tinggi, bagi memperkukuh agenda transformasi digital dan kecerdasan buatan (AI), kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, ASEAN pada hari ini bukan lagi terbatas kepada lingkungan dalam Asia Tenggara semata-mata, sebaliknya menjadi platform antarabangsa yang turut membabitkan kuasa utama seperti Kanada, Amerika Syarikat, China, Jepun, India, Brazil dan Afrika Selatan.

Katanya, Malaysia sendiri tidak boleh dilihat beroperasi dalam ruang blok sempit, sebaliknya perlu kekal terbuka dan bersaing pada skala global.

"Malaysia dan ASEAN hanya akan berjaya kalau kita tingkatkan perdagangan, pelaburan antara kita dan memberi tumpuan kepada disiplin dan bidang termasuk digital dan AI," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Peluncuran Malaysia Semiconductor IC Design Park 2 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Be-



Anwar menandatangani plak perasmian sambil disaksikan Amirudin (dua dari kanan), Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Liew Chin Tong (dua dari kiri) serta Aiman Athirah pada Majlis Peluncuran Malaysia Semiconductor IC Design Park 2 di Cyberjaya, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

sar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Aiman Athirah Sabu.

Anwar berkata, Malaysia perlu terus mengukuhkan jaringan dengan Amerika Syarikat (AS) yang mempunyai kekuatan besar terutama dalam sektor eksport dan import, termasuk keperluan industri elektrik dan elektronik dan semikonduktor yang memecah hampir RM200 bilion setahun serta membabitkan ribuan rantaian bekalan dan puluhan ribu pekerja.

Manfaat hubungan China

Pada masa sama, beliau berkata, hubungan baik dengan China turut dimanfaatkan kerana negara itu memiliki potensi pertumbuhan begitu pantas dan menakutkan yang boleh diterjemahkan kepada peluang pelaburan baharu ke Malaysia.

Katanya, Malaysia perlu memperluaskan akses pasaran dengan lebih agresif supaya dapat meraih faedah daripada kedua-dua blok besar dunia itu.

Beliau turut menegaskan, dasar Malaysia tidak berpihak kepada mana-mana kuasa tertentu, sebaliknya mengutamakan prin-

sip kepusatan ASEAN yang menuntut negara anggota berkawan dengan semua pihak yang memberi nilai dan manfaat terhadap pembangunan ekonomi.

Katanya, strategi itu bukan hanya terhad kepada AS dan China, tetapi meliputi pasaran Afrika dan Amerika Selatan yang mem-

punyai potensi besar untuk diteroka.

"Maka, kita mula menembus tembok yang membuka ruang dan itu disebabkan hubungan kita dengan Brazil dan Afrika Selatan, ini semua untuk masa depan (negara).

"Negara ini adalah negara dagang dan sebagai negara dagang, kena buka ruang pelaburan yang lebih luas," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut menempelak kritikan segelintir pihak berhubung pendekatan terbuka itu dan menyifatkan mereka sebagai tidak melihat keseluruhan konteks.

"Ini semua untuk masa depan (negara), tentunya dari segi politik kita kena terangkan. Baik dengan Amerika Syarikat pun salah, baik dengan China pun salah, baik dengan India pun tak betul.

"Jadi nak kena baik dengan Kelantan dan Terengganu (sahaja)? Itu pun saya baik (dengan kedua-dua negeri itu), jadi tak ada masalah," katanya.

Sementara itu, Anwar berkata, kejayaan Malaysia menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 bulan lalu, terutama berkaitan aspek keselamatan mendapat pujian pemimpin dunia termasuk Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump.

Katanya, kekaguman Trump terhadap keupayaan pasukan keselamatan negara dinyatakan pada lawatan rasmi Presiden AS itu ke Malaysia ketika pengumuman sidang kemuncak berkenaan.

Malah, katanya, Presiden AS menyatakan hasratnya bertemu Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohd Khalid Ismail bagi menyampaikan penghargaannya secara peribadi.

Anwar tampil sihat

Cyberjaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan tahap kesihatannya berada dalam keadaan baik selepas dilaporkan mengalami masalah sakit belakang baru-baru ini.

"I am good (saya sihat), lihat saya," katanya ringkas sambil melompat bagi menunjukkan keadaannya yang kembali pulih.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyempurnakan Majlis Peluncuran Malaysia Semiconductor IC Design Park 2 di sini, semalam.

Perdana Menteri sebelum ini terpaksa membatalkan lawatan kerja ke Pahang yang dijadualkan berlangsung Ahad lalu, selepas mengalami masalah sakit belakang.